



## Dapat kad diskau

BH 18.09.2012 1 x 2

Pelajar UMS gembira bersama Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) yang disampaikan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen di majlis penyerahan kad itu di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kota Kinabalu, semalam.

• Sabah 2

[ FOTO MALAI ROSMAH TUAH / BH ]

# Pemandu pelancong berbahasa Korea diperlu

BH 18.09.2012 1 & 2


**Kota Kinabalu:** Sabah memerlukan ramai pemandu pelancong yang mampu bertutur bahasa Korea bagi memenuhi keperluan pelancong dari negara itu.

Ia selaras dengan peningkatan ketara kedatangan mereka ke negeri ini sebanyak 20.4 peratus dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen, berkata ketika ini hanya ada lapan pemandu pelancong yang mahir bertutur dalam bahasa berkenaan berkhidmat di negeri ini, berbanding keperluan sekurang-kurangnya 23 orang.

Beliau berkata, kedatangan pelancong Korea yang meningkat kepada 43,817 orang antara Januari hingga Julai lalu berbanding 36,387 orang dalam tempoh yang sama tahun lalu menunjukkan keperluan pemandu pelancong khusus untuk rakyat negara itu semakin mendesak.

Katanya, keperluan itu turut disuarakan kerajaan Korea menerusi kedutaannya di negara ini yang mahu Kementerian Pelancongan mengambil pemandu pelancong dari negara itu bagi mengatasi kekurangan pemandu pelan-



Sebahagian pelajar UMS bersama Kad Diskaun Siswa 1Malaysia pada majlis penyerahan kad tersebut di Universiti Malaysia Sabah, di Kota Kinabalu, semalam.

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

con yang mahir berbahasa Korea di Sabah.

Selaras dengan permintaan itu, kementerian mengambil langkah sementara mendapatkan pemandu pelancong mahir berbahasa Korea dari negara berkenaan dan baru-baru ini kita menawarkan 23 kekosongan kepada mereka.

“Bagaimanapun, hanya 19 orang tampil dan daripada jumlah itu tujuh saja memiliki

permohonan kerja serta layak diambil,” katanya selepas majlis penyerahan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UMS, Prof Mohd Harun Abdullah; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansur dan Pejabat Perdagangan

Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) Sabah, Noor Alam Khan Abdul Wahid Khan.

Yen Yen berkata, langkah itu bukan menghalang pemandu pelancong tempatan menyediakan perkhidmatan untuk pelancong Korea kerana ia boleh dihentikan pada bila-bila masa apabila pemandu tempatan mampu memenuhi keperluan.